

**NOVEL *THE MISSING PIECE*:
ANALISIS DARI PERSPEKTIF TEORI TAKMILAH**

207860

PERPUSTAKAAN UPSI	
Nombor Perolehan	T8707
Tarikh Perolehan	20.12.12
Punca	
Harga	
Bilangan Naskah	1
Nombor Panggilan	

ZAILANI BIN ZAWAWI



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

PENGAKUAN

Saya mengaku Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hasil kajian saya kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

28. 03.2011

.....
(Zailani Zawawi)

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Setinggi-tinggi rasa kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya, akhirnya dapat saya menyelesaikan penulisan laporan akhir penyelidikan ini.

Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia penyelidikan saya iaitu Dr. Azhar Haji Wahid yang sentiasa meluangkan masa dan telah memberikan bimbingan yang amat bermakna kepada penulisan saya. Saya turut mengambil kesempatan merakam penghargaan kepada semua pensyarah yang telah memberikan pengajaran dan ilmu sepanjang saya mengikuti program pengajian peringkat ijazah sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris ini. Mereka ialah Profesor Dr. Muhammad Bukhari Lubis, Dr. Azhar Haji Wahid sendiri, Dr. A. Halim Ali dan Dr. Ani Omar. Sesungguhnya sepanjang mengikuti pembelajaran bersama empat orang pensyarah ini, saya telah mendapat pendedahan ilmu yang tidak ternilai harganya.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk melahirkan rasa penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri dan keluarga yang dikasihi di atas sokongan moral dan semangat serta sikap yang amat memahami sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini khususnya, dan sepanjang dua tahun berulang-alik mengikuti program pengajian ijazah sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

28 Mac 2011

ZAILANI ZAWAWI

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

SMK. Bandar Chiku

18300 Gua Musang

Kelantan

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk melihat dan meneliti kesesuaian aplikasi prinsip pertama Teori Takmilah, iaitu Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal ke atas novel *The Missing Piece* (Bahagian I dan II) karya Fatimah Busu. Memandangkan Teori Takmilah merupakan sebuah teori sastera Islam, maka kajian ini akan mengenalpasti imej dan kesedaran Islam yang menepati kehendak dan maksud prinsip pertama teori ini. Novel *The Missing Piece* dipilih kerana pengkaji mendapati pengarangnya menerapkan begitu banyak unsur-unsur kesedaran Islam di samping unsur-unsur budaya Melayu (Kelantan khususnya). Walau bagaimanapun, untuk tujuan kajian ini, hanya unsur-unsur yang berkaitan dan menepati kehendak Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal sahaja yang akan dianalisis.

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab, iaitu Bab Satu (Pengenalan), Bab Dua (Tinjauan Literatur), Bab Tiga (Huraian tentang Teori Takmilah), Bab Empat (Aplikasi Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal ke atas novel kajian) dan Bab Lima (Rumusan).

Hasil kajian mendapati terdapat beberapa imej dan kesedaran Islam yang boleh dikaitkan dan bersesuaian dengan kehendak dan maksud Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal. Imej dan kesedaran Islam tersebut dikesan menerusi falsafah pemikiran pengarangnya yang disalurkan menerusi perwatakan para watak dalam novel, khususnya tumpuan kepada beberapa watak penting. Dengan demikian, dapatlah dikatakan bahawa novel *The Missing Piece* karya Fatimah Busu ini adalah sesuai memenuhi kehendak dan maksud prinsip pertama Teori Takmilah.

ABSTRACTS

This study is conducted to gain insight knowledge and discover the suitability of the first principle in Takmilah Theory that is the Divine Principle with Kamal's characteristic on the novel *The Missing Piece* (Part I and II) written by Fatimah Busu. Taking into consideration Takmilah Theory as a piece of Islamic literature theory, this study will identify the image and Islamic awareness that fulfill the needs and meaning of the theory's first principle. *The Missing Piece* (Part I and II) is chosen after the researcher finds that the author portrays many elements related to Islamic awareness together with Malay culture elements (specifically Kelantanese culture). However, for the purpose of this study, the analysis focuses on the elements which related and accurate to the meaning of the first principle in Takmilah Theory.

This study divided by five chapters, First Chapter (Introduction), Second Chapter (Literature Review), Third Chapter (Elaboration on Takmilah Theory), Fourth Chapter (Analysis of the first principle of the theory to studied novel) and Fifth Chapter (Summary).

The result of the study found on that there were several images and Islamic awareness that can be associated and relevant to the meaning of Kamal nature of divine principle. The images and Islamic awareness were detected through the philosophical mind of the author which is channelled through the characterisations of the characters in the novel, especially on the main characters. Thus, *The Missing Piece* by Fatimah Busu can be said as suitable for the needs and meaning of the first principle Takmilah Theory.

KANDUNGAN**HALAMAN**

Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstracts	v
Senarai Rajah	viii

BAB 1 – PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	15
1.3	Objektif Kajian	21
1.4	Kepentingan Kajian	22
1.5	Batasan Kajian	23
1.6	Metodologi Kajian	25
1.7	Definisi/Istilah	27

BAB 2 – SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Kajian Lepas tentang Teori Takmilah	33
2.3	Kajian Lepas tentang Kepengarangan Fatimah Busu	44
2.4	Kajian Lepas tentang novel <i>The Missing Piece</i>	56

BAB 3 – TEORI TAKMILAH

3.1	Pengenalan	58
3.2	Istilah	60
3.3	Falsafah	63
3.4	Teori dan Prinsip	65
3.4.1	Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal	67
3.4.2	Prinsip Kerasulan sebagai insan Kamil	69
3.4.3	Prinsip Keislaman yang bersifat Akmal	73
3.4.4	Prinsip Ilmu dengan Sastera bersifat Takamul	75
3.4.5	Prinsip Sastera berciri Estetik dan bersifat Takmilah	76
3.4.6	Prinsip Pengkarya yang mengistikmalkan diri	77
3.4.7	Prinsip Khalayak bertujuan ke arah insane Kamil	79
3.5	Rumusan	80

BAB 4 – PRINSIP KETUHANAN YANG BERSIFAT KAMAL

4.1	Pengenalan	83
4.2	Kekuatan iman sebagai lambang jati diri	88
4.3	Kepasrahan dan ketundukan seorang hamba	103
4.4	Pembalasan dari Allah	111
4.5	Rumusan	116

BAB 5 – RUMUSAN

5.1	Dapatan analisis	117
5.2	Rumusan	123
5.3	Saranan/cadangan	127

BIBLIOGRAFI	132
--------------------	-----

SENARAI RAJAH

HALAMAN

1.	Rajah 1	61
2.	Rajah 2	68
3.	Rajah 3	70
4.	Rajah 4	74
5.	Rajah 5	75
6.	Rajah 6	77
7.	Rajah 7	78
8.	Rajah 8	80

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan genre novel di Malaysia secara relatifnya boleh dikatakan masih ‘muda’ jika dibuat perbandingan dengan sejarah kelahiran dan perkembangannya di negara barat khususnya di Eropah atau Amerika. Usia novel di negara ini belum pun mencecah satu abad andai dikira dari tarikh kemunculan novel yang pertama pada tahun 1925. Umum telah mengakui bahawa kelahiran novel sebagai salah satu genre kesusasteraan Melayu moden bersama cerpen dan sajak adalah hasil langsung dari pengaruh kebudayaan dan tradisi kesusasteraan barat yang dibawa masuk menerusi legasi penjajahan.

Penjajahan Inggeris ke atas Tanah Melayu bukan sahaja memberi kesan kepada sistem politik dan ekonomi, malahan turut merubah kehidupan dan corak pemikiran

masyarakat Melayu. Pengenalan alat percetakan dan penerbitan akhbar lewat abad ke-19 bukan sahaja menyumbang kepada sumber bacaan dan berita baru, malahan telah mempengaruhi sikap dan konsep penulis Melayu terhadap cerita rekaan (Safian Hussain et.al., 2006: 137). Bermula dengan usaha menterjemahkan karya sastera asing (terutama karya sastera Inggeris dan Timur Tengah) sebagai strategi menambahkan bahan bacaan dalam bahasa Melayu di sekolah-sekolah Melayu, akhirnya menumbuhkan minat dan usaha untuk menghasilkan karya sendiri dalam bentuk buku cerita. Kesan dari suasana ini, maka lahirlah karya yang pada hari ini dikenali sebagai novel.

Melihat kepada pernyataan di atas, adalah jelas bahawa kelahiran novel dari sudut pertumbuhannya dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku dalam dunia persuratan tanahair kesan kedatangan pihak barat. Pada masa yang sama, kelahiran novel juga merupakan kesinambungan dari tradisi penceritaan yang telah lama berlangsung dalam kesusasteraan Melayu lama. Dalam erti kata bahawa struktur bentuk novel sebenarnya hampir sama dan mempunyai banyak persamaan dengan ciri-ciri bentuk cerita Melayu lama, khususnya apabila merujuk kepada cerita penglipur lara. Menurut Safian Hussain et.al (2006: 142-143) persamaan antara novel (khasnya novel peringkat awal kemunculannya) dengan cerita penglipur lara boleh dilihat dari segi struktur plot yang merujuk kepada aspek 'pengembaraannya' di samping penggunaan beberapa unsur lain seperti *literary devices* dalam pantun dan syair, unsur kebetulan dan kecepatan masa serta perlukisan watak. Pernyataan ini diperkuatkan lagi oleh kajian Siti Hawa Salleh (2009: 514) yang menegaskan bahawa hubungan antara novel dengan

hasil kesusasteraan hikayat bukan setakat judulnya sahaja, malah termaktub dalam gaya bahasa persuratan Melayu yang digunakan, struktur penceritaan, tema, perlukisan watak dan lain-lain lagi.

Novel-novel peringkat awal secara jelas memperlihatkan struktur plot yang hampir sama dengan cerita penglipur lara apabila cerita mengandungi tiga bahagian, iaitu bahagian permulaan/pengenalan, peringkat perkembangan dan akhirnya peringkat penyelesaian. Pada peringkat permulaan pengarang memperkenalkan watak-watak yang terlibat dan bagaimana unsur kebetulan berlaku sehingga membuahkan percintaan di antara watak hero dan heroin. Percintaan ini akhirnya menghadapi dugaan dalam bentuk halangan-halangan yang mungkin disebabkan oleh faktor keluarga atau keadaan semasa menyebabkan hubungan hero dan heroin terputus buat sementara sehingga membawa kepada pengembaraan watak-watak tersebut. Tetapi akhirnya watak-watak ini bertemu semula melalui unsur kebetulan juga yang akhirnya membawa kebahagiaan. Contoh ini boleh dilihat menerusi *Hikayat Faridah Hanum* karya Syed Syeikh Al-Hadi, *Hikayat Perjumpaan Asyik* dan *Hikayat Malik dan Khalik* oleh Zulkarnain Yaacob.

Demikian juga apabila ditinjau dari aspek perlukisan watak. Walaupun para watak dalam novel-novel Melayu bukan lagi terdiri daripada para puteri raja, namun watak-watak ini masih tergolong di kalangan kelas atasan yang hidup senang dan mewah. Faridah Hanum di dalam *Hikayat Faridah Hanum* digambarkan sebagai anak saudagar Mesir yang kaya dan hidup dalam kemewahan. Para watak utama juga turut dilukiskan

sebagai sebaik-baik manusia dan penuh dengan keelokan rupa paras sepertimana gambaran kecantikan dan kesempurnaan para wira dan wirawati dalam cerita penglipurlara. Umpamanya gambaran kecantikan Faridah Hanum seperti yang dilukiskan oleh Syed Sheikh al-Hadi;

Mukanya bujur sirih berpatutan dengan mata hidungnya. Tingginya pertengahan bangunannya sangat hebat memberi gemar kasih sayang siapa memandangnya. Pipinya umpama pauh dilayang hitam kedua biji matanya mengalir madu yang sangat manis daripadanya bila dibawa menjeling oleh disambut cahaya kemerahan yang memancar daripada kedua pipinya. Mulutnya kecil sentiasa tersenyum bila dibawanya berkata-kata disambut cahaya yang bersinar daripada giginya yang seumpama mutiara ataupun delima merekah itu.

(Syed Sheikh al-Hadi, 1964: 1 dan 2)

Walau bagaimanapun, unsur-unsur dongeng, mitos dan khayalan dalam cerita penglipurlara ditinggalkan, sebaliknya karya novel menitik-beratkan unsur realiti dalam masyarakat semasa. Dengan kata lain, unsur realisme mendominasi karya-karya novel sesuai dengan perubahan sikap dan pandangan masyarakat Melayu semasa kesan pertembungan pemikiran dan kebudayaan barat. Realisme menurut Ian Watt (1970: 9-31) merupakan ciri yang paling nyata yang membezakan prosa cerita moden awal abad kelapan belas yang dikategorikan sebagai novel dengan cerita-cerita prosa sebelumnya. Realisme dalam konteks ini bermaksud pengisahan mengenai kehidupan manusia yang sebenar sama ada pernah wujud, mungkin wujud atau tidak pernah wujud tetapi boleh diterima akal (A. Bakar Hamid, 1973: 3-6).

Paling jelas untuk melihat masih adanya pertalian di antara karya novel dengan cerita penglipur lara (dari kesusasteraan tradisional) ialah tentang penggunaan nama hikayat pada tajuk novel-novel peringkat awal kelahiran. Sedangkan diketahui bahawa penggunaa nama hikayat pada tajuk atau judul karya selalunya dikaitkan dengan cerita-cerita penglipur lara. Contohnya boleh dilihat berdasarkan *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dan banyak lagi cerita jenis ini. Novel-novel peringkat awal ini seperti *Hikayat Faridah Hanum*, *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan*, *Hikayat Perjumpaan Asyik*, *Hikayat Khalik dan Malik* merupakan beberapa contoh karya novel yang mengambil unsur dari karya kesusasteraan Melayu tradisional (cerita penglipur lara) khususnya dari segi penggunaan judul karya. Fenomena ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang luar biasa memandangkan kegiatan penulisan novel masih dalam peringkat awal perkembangan. Menurut Safian Hussain et.al (2006: 153), pertalian ini adalah wajar memandangkan penulisan novel dekad 1920-an baru saja mengambil bentuknya yang nyata. Dengan kata lain, novel-novel dekad 1920-an merupakan dekad peralihan penghasilan karya-karya bercorak realis dan beransur-ansur meninggalkan ciri-ciri karya prosa tradisional. Namun, gejala ini semakin berkurangan dan akhirnya hilang sesuai dengan arus perkembangan novel pada dekad-dekad seterusnya.

Dekad 1920-an merupakan dekad permulaan kelahiran novel. Para pengkaji sastera umumnya telah menerima *Hikayat Faridah Hanum* (1925) karangan Syed Sheikh al-Hadi sebagai novel terawal walaupun ia bersifat novel saduran yakni mengambil latar peristiwa dan watak-watak masyarakat Arab Mesir. Lanjutan itu timbul perbahasan di

kalangan pengkaji sastera untuk menentukan novel mana yang betul-betul asli dan bersifat Melayu. Lantas beberapa pengkaji seperti Yahaya Ismail mengangkat novel *Kawan Benar* karya Ahmad Bin Haji Muhammad Rashid Talu yang dikarang pada tahun 1927 sebagai benar-benar novel Melayu yang pertama. Sesuatu yang mengujakan apabila Safian Hussain et.al. dalam kajiannya, *Sejarah Kesusasteraan Melayu* (2006) telah mengemukakan sebuah karya novel yang berdasarkan tarikh dikarang, telah menafikan kedudukan *Hikayat Faridah Hanum* sebagai novel pertama. Menurut Safian Hussain et. al (2006: 140) novel *Kelebihan Bersahabat* yang dikarang pada 1 Januari 1925 (walaupun tidak diketahui nama penulisnya) secara jelas menunjukkan novel tersebut lebih awal dihasilkan berbanding dengan *Hikayat Faridah Hanum*.

Tetapi S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir (2003: 11) mengemukakan fakta yang jauh lebih awal tentang kelahiran novel Melayu terawal. Mereka menyatakan bahawa novel Melayu terawal lahir pada 1876 iaitu menerusi novel *Hikayat Panglima Nikosa* yang dikarang oleh Encik Ahmad Syawal Bin Abdul Hamid yang 'tercap di atas batu di dalam negeri Sarawak di Kuching, di atas Bukit Persinggahan kepada 8hb. Jamadil Akhir sanat 1293 kepada 3hb. Jun 1876 . Diikuti kemudiannya dengan kelahiran novel saduran pada tahun 1922 yang berjudul *Kecurian Lima Million Ringgit* karya Haji Muhammad Bin Muhammad Said dari Kelantan (S. Othman Kelantan et. al., 2003: 14). Namun, isu ini bukanlah menjadi keutamaan dalam kajian ilmiah ini, cuma sekadar untuk memetik sedikit latar sejarah perkembangan novel sahaja. Oleh yang demikian, Persoalan tentang isu saduran atau tidak, mana yang awal atau kemudian terbit tidak

akan dipanjangkan.

Sayugia harus diingat, karya-karya novel pada peringkat awal kemunculannya tidak menggunakan istilah novel secara khusus. Sebaliknya, karya-karya ini menggunakan istilah 'hikayat', 'cetera', 'ceritera' atau 'cerita' (Safian Hussain et.al. 2006: 142). Istilah novel hanya mula digunakan pada pertengahan dekad 1950-an. Menurut S. Othman Kelantan (1986: 7), perkataan novel mula digunakan pada tahun 1954 oleh penulis yang menamakan dirinya 'Orang Sekijang' yang tersiar dalam majalah *Mastika* keluaran bulan April, manakala Hamzah pula merupakan orang yang bertanggungjawab mempopularkan istilah ini menerusi rencananya bertajuk 'Pertumbuhan dan Perkembangan Novel Melayu' yang disiarkan dalam majalah *Hiburan* sebanyak sembilan belas siri mulai bilangan 499, 2 Mac 1957 hingga bilangan 519, 10 Ogos 1957.

Novel-novel peringkat awal perkembangannya yang bermula pertengahan dekad 1920-an didominasi oleh aliran realisme. Persoalan-persoalan dalam novel-novel dekad ini menampilkan isu berkaitan percintaan, kerukunan rumahtangga dan kahwin paksa. Juga disentuh tentang persoalan emansipasi wanita, kemunduran ekonomi dan pendidikan orang-orang Melayu. *Hikayat Faridah Hanum*, *Hikayat Perjumpaan Asyik*, *Kawan Benar* dan *Iakah Salmah* merupakan antara contoh karya-karya yang memaparkan persoalan di atas. Perkenalan watak pada awal cerita, konflik dan dugaan terpaksa berpisah buat sementara lantaran halangan-halangan dalam peringkat perkembangan diakhiri dengan pertemuan semula dan bahagia di akhir cerita.

Sebenarnya setiap persoalan yang dikemukakan adalah bertolak dari hasrat pengarang untuk membuat suatu pembaharuan dalam kefahaman pengamalan agama Islam dan adat masyarakat Melayu yang selama ini dianggap kolot. Golongan pengarang yang mendapat idea pembaharuan hasil reformasi agama Islam terutama dari Timur Tengah seperti Syed Sheikh al-Hadi cuba menyebarkannya kepada masyarakat Melayu menerusi karya-karya sastera seperti novel.

Menurut A. Wahab Ali (1989: 4), novel-novel dekad awal ini membawa fungsi moral reformasi Islam dan politik kebangsaan zamannya serta telah memperlihatkan kemajuan dari aspek plot dan gaya penceritaannya. Ahmad Bin Haji Muhammad Rashid Talu telah membuat pembaharuan dari segi pemikiran menerusi novel *Iakah Salmah* dengan persoalan emansipasi wanita, yang sekaligus memperlihatkan telah wujudnya pengaruh aliran feminisme dalam karya. Penciptaan karya novel pada dekad 1920-an ini telah meletakkan asas kepada penciptaan dan pembaharuan novel pada dekad-dekad seterusnya.

Dekad 1930-an dan 40-an merupakan kesinambungan penghasilan novel dari dekad sebelumnya. Kemunculan para penulis baru seperti Abdullah Sidek, Harun Aminurrashid, Raja Mansur dan Ishak Haji Muhammad bersama penulis lama telah menyemarakkan lagi kelahiran novel-novel baru. Malahan, dekad 1930-an dianggap dekad yang paling pesat menghasilkan novel bagi tempoh sebelum perang. Tema-tema yang diketengahkan walaupun hampir sama dengan dekad 1920-an iaitu percintaan, kahwin paksa dan kerukunan rumahtangga, tetapi menampilkan pelbagai variasi

penciptaan yang lebih menarik kesan dari percubaan menggunakan teknik-teknik baru. Walau bagaimanapun ianya tetap bersifat didaktik dan kelihatan jelas memaparkan cita-cita pengarang untuk mengutarakan isu-isu berkaitan masyarakat, bangsa, agama dan tanahair. Kepesatan ini juga turut didorong dengan tumbuhnya badan-badan penerbitan baru seperti The Ipoh Malay Press, Klang New Press, Persama Press dan beberapa yang lain. Ishak Haji Muhammad dan Shamsuddin Salleh merupakan dua tokoh penulis yang telah membuat penyimpangan dari tema dan persoalan kebiasaan apabila mengalih perhatian kepada persoalan nasionalisme dan politik. Lebih jauh dari itu, Ishak menghasilkan novel *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* menggunakan teknik satira, iaitu menerusi penampilan imej dan simbol.

Penciptaan novel boleh dikatakan terhenti setelah tercetusnya Perang Dunia Kedua dan penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu. Kawalan dan saringan yang ketat pihak Jepun ke atas karya-karya sastera telah membantutkan usaha ini. Hanya sebuah novel sahaja yang dikesan terbit pada zaman perang ini iaitu *Berjanji di Keretapi* (1942) karya Abdullah Sidek (Ramli Isin, 2008: 198-199). Namun, kegiatan menghasilkan novel bertapak kembali selepas era perang tamat. Kebebasan berkarya yang dinikmati semula oleh para penulis dan wujudnya beberapa badan percetakan telah menceriakan kembali aktiviti sastera ini. Meskipun demikian, proses berkarya ini lebih tertumpu di Singapura berikutan suasana kesan perang yang masih terikat dengan undang-undang darurat di Tanah Melayu.

Novel-novel yang dihasilkan dalam era 1946 hingga 1950-an tidaklah serancak ketika zaman sebelum perang. Ini disebabkan kegiatan penulisan lebih tertumpu kepada genre sajak dan cerpen. Novel-novel yang terhasil masih membawa tema dan persoalan yang lebih kurang sama dengan dekad sebelumnya iaitu tertumpu kepada persoalan tentang kemasyarakatan, ekonomi, politik dan sosio-budaya dengan penekanan untuk memberikan pengajaran dan nilai moral kepada masyarakat. Namun demikian, dalam masa yang sama terdapat juga pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan oleh beberapa penulis terutama dalam aspek pengolahan plot dan teknik penceritaan. Paling jelas ialah percubaan yang dilakukan oleh Hamzah menerusi novel *Rumah Itu Duniaku* (1951) yang kemudiannya ditukar kepada judul *Anak Gundik* untuk edisi kedua pada tahun 1958 (Ramli Isin, 2008: 200). S. Othman Kelantan et. al (2003: 64) menyatakan novel Hamzah ini menjadi batu tanda kepada perubahan struktur dalaman iaitu dari aspek penggunaan teknik plot baru yang dinamakan teknik plot orang terpenjara untuk mengembangkan perwatakan para wataknya. Kegiatan penulisan pada era ini juga turut menyaksikan dominasi aliran realisme sebagai teras pengkaryaan.

Proses penciptaan dan penghasilan novel mencapai zaman kegemilangannya pada era atau dekad 1960-an dan berterusan pada dekad-dekad berikutnya. Kegemilangan ini meliputi aspek jumlah karya yang dihasilkan, pembaharuan dari segi tema dan persoalan yang lebih luas dan kompleks sesuai dengan perubahan hidup masyarakat, peranan badan-badan yang memberi galakan kepada usaha mencipta novel serta kemunculan para penulis yang mempunyai latar belakang dan pendidikan yang lebih baik yang akhirnya menyumbang kepada kualiti karya-karya. Bermula zaman

Novel-novel yang dihasilkan dalam era 1946 hingga 1950-an tidaklah serancak ketika zaman sebelum perang. Ini disebabkan kegiatan penulisan lebih tertumpu kepada genre sajak dan cerpen. Novel-novel yang terhasil masih membawa tema dan persoalan yang lebih kurang sama dengan dekad sebelumnya iaitu tertumpu kepada persoalan tentang kemasyarakatan, ekonomi, politik dan sosio-budaya dengan penekanan untuk memberikan pengajaran dan nilai moral kepada masyarakat. Namun demikian, dalam masa yang sama terdapat juga pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan oleh beberapa penulis terutama dalam aspek pengolahan plot dan teknik penceritaan. Paling jelas ialah percubaan yang dilakukan oleh Hamzah menerusi novel *Rumah Itu Duniaku* (1951) yang kemudiannya ditukar kepada judul *Anak Gundik* untuk edisi kedua pada tahun 1958 (Ramli Isin, 2008: 200). S. Othman Kelantan et. al (2003: 64) menyatakan novel Hamzah ini menjadi batu tanda kepada perubahan struktur dalaman iaitu dari aspek penggunaan teknik plot baru yang dinamakan teknik plot orang terpenjara untuk mengembangkan perwatakan para wataknya. Kegiatan penulisan pada era ini juga turut menyaksikan dominasi aliran realisme sebagai teras pengkaryaan.

Proses penciptaan dan penghasilan novel mencapai zaman kegemilangannya pada era atau dekad 1960-an dan berterusan pada dekad-dekad berikutnya. Kegemilangan ini meliputi aspek jumlah karya yang dihasilkan, pembaharuan dari segi tema dan persoalan yang lebih luas dan kompleks sesuai dengan perubahan hidup masyarakat, peranan badan-badan yang memberi galakan kepada usaha mencipta novel serta kemunculan para penulis yang mempunyai latar belakang dan pendidikan yang lebih baik yang akhirnya menyumbang kepada kualiti karya-karya. Bermula zaman

inilah lahirnya para penulis besar yang memberikan sumbangan amat bermakna kepada perkembangan kesusasteraan tanahair hingga ke zaman mutakhir ini. Sekadar menyebut beberapa nama, mereka itu antaranya ialah Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, Arena Wati, S. Othman Kelantan, Khadijah Hashim dan Salmi Manja.

Bermula pada dekad ini dan seterusnya, persoalan-persoalan dalam karya novel menjangkau kepada perjuangan membela masyarakat bawahan yang dibelenggu kemiskinan akibat tersisih dari arus pembangunan dan kemajuan, trauma dan kesan dari peperangan, perpaduan kaum, persoalan politik yang menjurus kepada kepincangan dan penyelewangan dalam pentadbiran. Novel-novel seperti *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Angin Timur Laut*, *Salina*, *Perdana*, *Menteri*, *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* dan banyak lagi karya merupakan bukti dan contoh kepada persoalan-persoalan yang disebut di atas. Malahan, ada di antara karya-karya ini yang telah mencapai tahap antarabangsa seperti mana yang dinikmati oleh novel *Salina* (A. Samad Said) dan *Ranjau Sepanjang Jalan* (Shahnnon Ahmad). Tahap pendidikan dan pengalaman telah memungkinkan para penulis melakukan pelbagai pembaharuan dalam proses berkarya baik dari aspek teknik penceritaan dan pemilihan isu-isu semasa untuk dijadikan sebagai tema dan persoalan.

Era 1970-an menyaksikan tahap kematangan berkarya yang semakin jelas. Walaupun jumlah penghasilan novel pada dekad 1970-an tidak setanding dengan dekad 1960an tetapi dari aspek kualiti penciptaan karya sangat ketara. Kualiti atau

mutu karya ini terserlah kesan dari kewujudan pelbagai sayembara dan anugerah yang dianjurkan oleh pelbagai badan penulis dan pihak kerajaan sendiri. Hadiah Karya Sastera dan Sayembara Novel Yayasan Sabah misalnya telah berjaya menyumbangkan ke arah kelahiran novel-novel yang bermutu. Pada dekad ini juga, mutu novel Melayu terlihat lebih matang, bukan sahaja dilihat dari penguasaan teknik dan bahan, bahkan pendedahan sikap dan pengetahuan serta pengalaman penulis yang luas (S. Othman Kelantan et.al., 2003: 138). Penghasilan novel dekad 1980-an dan 1990-an hanya meneruskan kelangsungan dari dekad sebelumnya dengan latar belakang yang hampir sama. Apa yang pasti, di samping jumlah karya yang dicipta, bilangan penulis baru yang muncul bersama penulis lama yang sedia ada, kualiti dan tahap kematangan berkarya sentiasa menampakkan kemajuan demi kemajuan. Seperti yang ditegaskan oleh S.Othman Kelantan et. al. (2003: 230);

Perkembangan sejak tahun 1876 sehingga tahun 1980-an, memperlihatkan pelbagai pengaruh dari luar dan pengalaman pendidikan yang memberangsangkan. Perubahan dalam struktur, kematangan dalam menampilkan dialog dan pemikiran watak, serta pembinaan pelbagai jenis plot, penggunaan bahasa dan stail yang kreatif dan imaginatif, memperlihatkan perkembangan novel Melayu sepanjang sejarah mencapai kematangan dan nilai estetik yang membanggakan.

Pada masa yang sama, aliran realisme yang menjadi pegangan para penulis tanahair selama ini tidak lagi wujud secara tunggal. Hal disebabkan berkembangnya pelbagai aliran lain yang mula meresap dan mempengaruhi para karyawan. Pendedahan kepada karya-karya kesusasteraan barat dengan latar belakang akademik para penulis telah menyebabkan berkembangnya aliran-aliran baru seperti naturalisme, absurdisme dan surrealisme. Para sasterawan tanahair pada awalnya kelihatan agak selesa dengan pelbagai aliran yang kesemuanya berakar dari barat itu. Sehingga pada pertengahan dekad 1970-an, mula kelihatan usaha-usaha untuk kembali berpaut kepada sumber berasaskan Islam yang akhirnya menyaksikan lahir aliran Islam dalam kesusasteraan tanahair dan terus menjadi pegangan sebahagian penggiat sastera tanahair hingga mutakhir ini.

Jika ditelusuri sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu sejak zaman tradisional, aliran Islam telah bertapak sejak abad ke-15 lagi semasa kegemilangan kerajaan Melayu Melaka dan diambilalih kemudiannya oleh kerajaan Melayu Aceh. Pada masa itu lahir karya-karya kesusasteraan Islam yang dikarang oleh para ulamak terkemuka seperti yang boleh dibuktikan menerusi karya-karya sastera agama dan sastera kitab. Namun, di zaman penjajahan kuasa barat ke atas rantau Melayu nusantara akhirnya menghakis roh Islam dalam proses pengkaryaan, sebaliknya diganti dengan pengaruh ilmu yang dibawa dan divedok dari tradisi barat. Fenomena ini telah berlangsung sekian lama sehinggalah timbul kembali kesedaran kepada perlunya kembali kepada akar tradisi ilmu Islam. Tempas kebangkitan kesedaran Islam di kalangan masyarakat di Malaysia turut mempengaruhi segelintir penggiat sastera yang

akhirnya menyaksikan berlangsungnya siri perbincangan dan perbahasan tentang konsep sastera Islam. Shahnnon Ahmad merupakan antara tokoh yang paling ke depan dalam mempromosikan konsep sastera Islam dengan gagasan bersastera kerana Allah untuk hikmah kepada manusia (Shahnnon Ahmad, 1993: 480).

Hasilnya, mulai dekad 1980-an lahir karya-karya sastera Islam atau berunsur Islam seperti novel *Riak*, *Kemelut* dan *al-Syiqaq* oleh Shahnnon sendiri. Langkah Shahnnon ini diikuti oleh segelintir penulis lain seperti A. Wahab Ali, S. Othman Kelantan, Norhisham Mustafa, Mana Sikana dan Shafie Abu Bakar (Nurazmi Kuntum, 1991: 4). Tema dan persoalan dalam karya mula menjurus kepada ketuhanan, kenabian, dakwah, jihad, taubat dan keinsafan mulai terlihat dengan banyaknya dalam karya kesusasteraan baik yang berbentuk prosa mahupun puisi (Nurazmi Kuntum, 1991: 20). Aliran Islam dalam kesusasteraan Melayu ini tidak hanya meliputi penciptaan karya semata-mata, malah pengaruhnya melangkah lebih jauh hingga kepada usaha untuk melahirkan pendekatan dan teori sastera Islam. Penglibatan para ilmuwan sastera dan Islam telah menyaksikan lahir teori sastera Islam pada dekad 1990-an iaitu Teori Persuratan Baru oleh Muhammad Affandi Hassan (1992) dan Teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1993).

Kesimpulannya, dalam usia 85 tahun (jika diambil tahun bermula pada 1925), perkembangan novel di Malaysia telah mengalami evolusi perkembangan yang agak panjang dan berjaya meletakkannya pada kedudukan yang mantap pada hari ini. Kemunculan novel-novel peringkat awal yang masih dipengaruhi oleh ciri-ciri prosa

Melayu tradisional beransur hilang menerusi perubahan masa dan akhirnya mampu memiliki bentuk dan struktur tersendiri seperti yang boleh dilihat kini. Bermula dengan tema dan persoalan tentang percintaan, kahwin paksa, kerukunan rumahtangga pada peringkat permulaan, ia telah berkembang kepada tema dan persoalan yang jauh lebih luas dan kompleks sesuai dengan perubahan dan perkembangan semasa dalam masyarakat. Demikian juga dari aspek pengarangnya sendiri yang kini jumlahnya jauh lebih ramai berbanding dekad-dekad awal dan datang dari pelbagai latar belakang dan pendidikan. Kepelbagaian aliran sastera yang meresap ke dalam karya novel memperlihatkan pula kepelbagaian jenis novel yang akhirnya menyumbangkan kepada peningkatan mutu dan kematangan novel-novel Melayu. Peranan novel pula tidak hanya berkisar untuk menyampaikan unsur didaktik dan moral semata-mata, malahan menjadi wadah kepada perjuangan menuntut kemerdekaan, keadilan dan hak golongan bawahan, menyuarakan rasa hati para penulis serta menjadi media dakwah kepada masyarakat.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini bertolak dari keinginan untuk mengenali dan mengupas secara lebih terperinci karya *The Missing Piece*, iaitu sebuah hasil tangan terbaru Fatimah Busu. Sekilas pandang, novel ini seolah-olah merupakan sebuah novel Inggeris jika dilihat berdasarkan judulnya. Keadaan ini sedikit sebanyak sudah pasti mengundang minat dan tumpuan khalayak sastera (tidak terkecuali diri pengkaji sendiri) untuk mengenali,